

ALAM WANITA

Berbagai-bagai Perkahwinan Di Luar Islam

Penulis rencana ini telah membentangkan “*Berbagai-bagai Perkahwinan Yang Dilakukan Oleh Bangsa-bangsa di Dunia*” pada keluaran yang lalu. Diantaranya diterangkan perkahwinan-perkahwinan yang dilakukan oleh umum bangsa Arab di zaman Jahiliah dahulu, seperti *nikah istibdā'*, *nikah ishtirāk*, *nikah mubādalah*, *nikah maqat*, *nikah shighār*; *nikah jamak*, *nikah sifāh* dan *nikah mut'ah*.

(oleh: Haji Munawir Khalil)

Maka pada rencana ini beliau telah melanjutkan keterangannya pula tentang bangsa-bangsa di dunia yang melakukan perkahwinan dengan lebih buruk lagi, lebih keji dan lebih kejam lagi daripada cara-cara perkahwinan yang terjadi di kalangan orang-orang Arab di zaman jahiliah dahulu seperti berikut:

Cara-cara Perkahwinan Lain-lain Bangsa

Sebagai lanjutan keterangan yang lalu, di bawah ini saya kutipkan pula keterangan-keterangan berbagai adat kebiasaan yang buruk dalam soal “perkahwinan” yang tidak menurut pimpinan agama Islam.

Menurut penyelidikan para yang ahli, bahawa terjadinya perkahwinan tukar menukar dan ganti berganti antara seorang dengan seorang, hingga kini masih didapat dalam kalangan bangsa-bangsa di daerah Manchuria, Colombia dan Madagascar. Dan di zaman dahulu ada dilakukan juga oleh bangsa-bangsa di daerah Russia dan Eskimo di Amerika.

Konon khabarnya di Bakunta¹ di sekeliling Danau Edward terdapat juga perkahwinan yang hampir sama cara-caranya

dengan perkahwinan secara “*Istibdā'*” iaitu seorang gadis yang baharu kahwin dengan seorang lelaki diharuskan mempersembahkan kehormatannya kepada sahabat suaminya. Dan sesungguhnya cara sedemikian ini lebih rendah dan lebih buruk daripada perkahwinan “*Istibdā'*” yang berlaku di zaman jahiliah dahulu.

Ada pula adat perkahwinan yang lebih keji lagi yang disebut “hetaerism”² dan inilah kebiasaan bangsa Nasamun. Yakni ketika seorang bangsa Nasamun kahwin, pengantin perempuan harus menyerahkan diri pada malam yang pertama kepada segenap tamunya lelaki dengan berganti-ganti. Tiap-tiap seorang yang mencampuri pengantin perempuan itu dimestikan memberi hadiah kepadanya yang sengaja telah disediakan. Ada kebiasaan seperti ini khabarnya kedapatan pula diberbagai-bagai daerah di dunia ini dahulu kala pada bangsa “Peru” dan di Kepulauan “Balearic” dan pada dewasa ini mungkin juga masih didapati dalam pergaulan bangsa-bangsa asli di India, Burma, Kashmir, Selatan Arab, Madagascar dan lain-lainnya lagi, tetapi hanya adat

(sambungannya di muka 22)

¹ Perkataan asalnya ialah Buganda

² A general system of temporary or continued sexual relations outside wedlock. Sumber: <http://www.merriam-webster.com/dictionary/hetaerism>